

Penyelidik UMS tampil unggul di arena antarabangsa

Tersenarai oleh Elsevier dalam dua peratus Saintis Terbaik Seluruh Dunia bagi tahun 2023

UB 04.11.2023 P.03

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi mencatat sejarah dalam keterampilan penyelidikan apabila beberapa penyelidik unggul dari universiti itu tersenarai oleh Elsevier dalam dua peratus Saintis Terbaik Seluruh Dunia bagi tahun 2023.

Bagi kategori Pencapaian Kerjaya, tiga penyelidik UMS tersenarai adalah Profesor Ts. Dr. Zainul Amiruddin Zakaria dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Profesor Dr. Jason Teo Tze Wi dari Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), dan Profesor Madya Dr. Christopher Patrice Andie Wiart dari Institut Biologi Tropika dan

Pemuliharaan (IBTP).

Manakala bagi kategori Pencapaian Setahun, lapan penyelidik UMS mendapat pengiktirafan itu.

Antaranya Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly (Fakulti Kejuruteraan), Profesor Ts. Dr. Zainul Amiruddin Zakaria (FPSK), Profesor Dr. Jason Teo Tze Wi (FKI), Profesor Madya Dr. Hanudin Amin (Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan), Profesor Madya Dr. Christopher Patrice Andie Wiart (IBTP).

Turut tersenarai dalam kategori yang sama ialah Prof. Madya Dr. Md. Shafiquzzaman Siddique (Institut Penyelidikan Bi-

oteknologi), Profesor Dr. Md Lutfor Rahman dan Dr. Teo Siow Hwa masing-masing dari Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Pencapaian membanggakan penyelidik-penyelidik UMS ini dapat dirungkai melalui impak yang terhasil dalam penyelidikan yang bermanfaat bukan sahaja kepada universiti, tetapi juga kepada masyarakat.

Rosalam yang juga merupakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS adalah seorang pakar nanofiber dan persekitaran yang giat melaksanakan usaha penyelidikan bersifat translasional termasuklah kajian rawatan air.



UNGGUL: Para penyelidik UMS yang tersenarai dalam dua peratus Saintis Terbaik Seluruh Dunia bagi tahun 2023.

UMS akan terus memacu usaha dalam mengimplementasi plan strategik seir-

ing dengan misi universiti sebagai peneraju masyarakat berinovatif.

Baru-baru ini, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. telah

melancarkan 10 Key Results Area bagi tempoh 2023-2027 sebagai menyokong Pelan Transformasi UMS 2050 yang berpaksikan kepada misi menjadi universiti bertaraf dunia melalui sinergi tempatan ke arah kelestarian kampus.

Key Result Area 3 iaitu Translatable Research yang dipertanggungjawabkan di bawah ekosistem penyelidikan dan inovasi UMS sudah pun menjalankan beberapa inisiatif besar bagi meningkatkan lagi usaha penyelidikan yang bersifat translasional termasuklah penubuhan kluster penyelidikan dan living lab (makmal hidup).